

USAHA PEMBINAAN PUSAT JAGAAN DARUL WARDAH, JOHOR BERDASARKAN NERACA MAQASID SYARI'AH

Shakila Ahmad¹ (Harliana Halim², Sharifah Khadijah Syed Abu Bakar³,
Halimi Mohd. Khalid⁴, Nur Zainatul Nadra Zainol⁵, Intan Farhana
Saparuddin⁶, Fauziah Ani⁷)

^{1,2,3,4,5,6,7} Pusat Pengajian Umum dan Ko-Kurikulum, Universiti
Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja, Batu Pahat,
Johor

¹shakila@uthm.edu.my; ²harliana@uthm.edu.my;
³khadijah@uthm.edu.my;
⁴halimi@uthm.edu.my; ⁵nadra@uthm.edu.my;
⁶intan@uthm.edu.my; ⁷fauziaha@uthm.edu.my

ABSTRAK

Pusat Jagaan Darul Wardah, Johor (DW) telah diwujudkan pada tahun 2014 bertujuan untuk memberi perlindungan sementara, sokongan moral dan pemulihan dari segi akidah, emosi dan spiritual kepada wanita Islam serta membimbing mereka untuk kembali kepada kehidupan Islam yang syumul. Namun begitu, usaha merealisasikan kewujudan serta melaksanakan aktiviti DW menghadapi persepsi negatif daripada segelintir pihak dalam masyarakat. Ini kerana usaha tersebut dilihat sebagai satu bentuk pembelaan terhadap kelompok wanita dan remaja yang dikategorikan sebagai pelaku jenayah dan berdosa. Bagaimanapun, usaha pembinaan rumah perlindungan dan pemulihan wanita seperti DW sebenarnya merupakan satu keperluan dalam masyarakat yang selari dengan *Maqasid Syariah* melalui pemeliharaan *darūriah al-khamsah*. Justeru kertas kerja ini dirangka bertujuan untuk menjelaskan hubungan *Maqasid Syariah* melalui pemeliharaan *darūriah al-khamsah* dengan matlamat pembinaan, pelaksanaan aktiviti dan proses pemulihan di DW. Penulisan kertas kerja ini menggunakan pendekatan kajian perpustakaan, penganalisan ke atas data yang diperolehi daripada rekod DW, temubual serta lawatan ke lapangan. Hasil daripada penulisan ini diharapkan mampu memperjelaskan kepada masyarakat kedudukan usaha ini dari perspektif syariah Islamiah serta mengubah persepsi negatif mereka terhadap kewujudan rumah perlindungan dan pemulihan wanita. Di samping itu, kertas kerja ini juga diharapkan sedikit sebanyak akan mampu menyuntik rasa endah masyarakat untuk sama-sama mengembeling tenaga dalam kerja-kerja sukarelawan khususnya menyokong rumah perlindungan dan pemulihan wanita sebagai satu usaha bagi mencapai kelestarian insan.

Kata Kunci: Darul Wardah, Rumah Perlindungan dan Pemulihan
Wanita, Maqasid Syariah, *Darūriah al-Khamsah*

PENDAHULUAN

Statistik Kementerian Kesihatan pada tahun 2015 mendedahkan sebanyak 3,980 atau 28.8 peratus daripada 13,831 remaja berusia 10 hingga 19 tahun mengandungi anak luar nikah. Seterusnya laporan PDRM juga menunjukkan jumlah pembuangan bayi di negara ini adalah 432 kes sejak 2011 hingga Jun 2015 dengan kejadian kehamilan luar nikah merupakan punca utama kes tersebut berlaku (Utusan, 2016). Selain itu turut membimbangkan apabila direkodkan sebanyak 257,411 sijil kelahiran yang didaftarkan tidak dicatatkan nama bapa dari tahun 2000 hingga Julai 2008. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) mengesahkan bahawa sijil tersebut dikeluarkan ekoran kelahiran anak tak sah taraf atau anak luar nikah (Kosmo, 18 Julai 2017).

Ekoran dari statistik dan laporan yang dikemukakan, memberi petunjuk bahawa wanita dan remaja perempuan menjadi kelompok mereka yang berdepan dengan masalah berat dan sukar dalam meneruskan kehidupan. Mereka telah terjebak dengan masalah sosial seperti kehamilan luar nikah, melahir serta terpaksa memelihara anak tak sah taraf. Sekiranya tidak mendapat bantuan dan sokongan keluarga, ada yang bertindak membuang atau membunuh bayi yang dilahirkan.

Dalam masyarakat Melayu Islam di Malaysia, mereka yang terlibat dengan zina, hamil dan melahirkan anak luar nikah dilihat sebagai golongan yang melakukan jenayah dan tidak dapat diterima dalam kitaran kehidupan masyarakat. Malah ada yang telah dibuang oleh keluarga kerana dianggap telah menconteng arang di muka ibu bapa dan ahli keluarga yang lain. Akhirnya menjadikan mereka hilang pertimbangan dan arah tuju dalam kehidupan. Stigma masyarakat telah menambah masalah yang membebankan wanita mengandungi tanpa suami dan keluarga mereka (Aedi Asri, 2016).

Menyedari stigma masyarakat keadaan wanita yang memerlukan tempat perlindungan dan berkongsi penderitaan maka usaha mewujudkan Pusat Jagaan Darul Wardah, Johor oleh beberapa individu dari kalangan NGO telah dijalankan. Pusat ini menyediakan rumah untuk mereka berlindung bagi meneruskan kehidupan dan menjalankan aktiviti berbentuk bimbingan agar mereka menjadi golongan yang bertaubat selari dengan firman Allah SWT dalam Al-Quran. Dalam surah al-Nur ayat 2 menjelaskan bahawa zina merupakan jenayah yang mesti diberi hukuman:

الزَّانِيَةُ وَالزَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَيَشْهَدَ عَذَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ ٢

Maksudnya:

Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman.

Seterusnya dalam ayat 5, Allah SWT menunjukkan ada ruang pengecualian diberikan kepada mereka yang bertaubat dan berusaha mengubah dirinya:

إِلَّا الَّذِينَ تَابُوا مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ وَأَصْلَحُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ٥

Maksudnya:

Kecuali orang-orang yang bertaubat sesudah itu (dari kesalahannya yang tersebut) serta memperbaiki amalannya, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Justeru objektif penubuhan dan aktiviti DW adalah dirangka berada dalam ruang lingkup maqasid syariah memenuhi tuntutan dalam *Dharuriah al-Kahmsah* menurut Islam. Bagi melihat hubungan tersebut maka terlebih dahulu diteliti latarbelakang Pusat Jagaan Darul Wardah Johor dan pengenalan Maqasid Syariah.

LATARBELAKANG KAJIAN

Pusat Jagaan Darul Wardah, Johor (Profil Koprak Darul Wardah)

Pusat Jagaan Darul Wardah, Johor merupakan cawangan dari Rumah Perlindungan Dan Pemulihan Wanita Darul Wardah (Darwa), Selangor. Telah dirasmikan pembukaannya pada hari Sabtu, 8 Februari 2014 bersamaan 8 Rabiulakhir 1435H. Operasi awal DW Johor adalah di Pontian sebelum berpindah ke premis baru di Batu Pahat. Didaftarkan atas kapasiti Koperasi Darul Wardah Johor Berhad (J-4-1113) dengan nama Pusat Jagaan Darul Wardah. Pada September 2017 DW Johor telah mendapat kelulusan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Objektif penubuhan DW adalah untuk memberi perlindungan sementara, sokongan moral dan pemulihan dari segi akidah, emosi dan spiritual kepada kaum wanita Islam di seluruh Malaysia. Kemasukan ke DW adalah secara sukarela dan tertakluk kepada kes tertentu serta mematuhi beberapa *Prosedur Operasi Standard*. Terdapat empat kategori kes wanita yang dilayak diberi perlindungan di DW iaitu:

1. wanita kecelaruan aqidah; muafak dan murtad
2. wanita teraniaya; penderaan fizikal dan mental
3. wanita mengandung tanpa nikah; zina, rogol, sumbang mahram
4. remaja yang terlibat dengan gejala sosial (percubaan)

Menurut Puan Rashidah Adon, sehingga 12 oktober 2017, DW seramai 44 orang telah mendaftar sebagai penghuni. 24 orang iaitu 56.8 peratus merupakan penghuni yang memohon masuk ke DW kerana mengandung tanpa nikah.

Objektif penubuhan DW Johor diperincikan lagi melalui senarai misi iaitu (Profil Koprak Darul Wardah):

1. **mentarbiah dan mengislahkan** golongan yang tersasar daripada cara hidup Islam.
2. memberi perlindungan dan **mentarbiah** saudara baru (mualaf) yang dilanda krisis akidah dan akhlak dan wanita teraniaya.
3. memberi perlindungan dan **pemulihan** kepada wanita mengandung tanpa nikah.
4. memberi **perlindungan sementara** kepada wanita
5. membantu dan **membimbing** remaja perempuan yang tersasar daripada cara hidup Islam untuk kembali kepada Islam yang syumul.
6. memberi bantuan **khidmat bimbingan fardhu ain**, amalan kerohanian, kaunseling dan nasihat guaman.
7. melatih penghuni dengan **kemahiran sendiri dan kemahiran hidup**.
8. menyedarkan masyarakat dengan **isu-isu akidah dan akhlak**

Aktiviti Darwa

Program utama yang dijalankan merupakan program pemulihan bagi penghuni DW. Antara aktiviti yang dijalankan adalah:

1. secara harian; solat tahajud dan taubat, solat berjamaah, pengajian al-Quran, zikir al-mathurat, tazkirah, muhasabah diri, hafazan dan riadah
2. secara mingguan; kelas fardhu ain, kelas al-Quran dan tajwid, sesi kaunseling berkelompok dan perseorangan, motivasi diri, kelas kemahiran (menjahit dan memasak) usrah, qiamullail setiap Isnin dan Jumaat, bacaan surah Yassin dan al-Baqarah
3. secara bulanan dan tahunan; rehlah atau outdoor, majlis khatamal-Quran, kem ibadah, majlis marhaban dan cukur jambul, jamuan hari raya, majlis maulid Ar Rasul dan program-program lain sempena tarikh/peristiwa kebesaran Islam, ceramah kesihatan dan pengurusan sendiri

Modul Pemulihan

Penghuni yang memilih untuk menyertai program pemulihan ini akan melalui modul-modul pemulihan, kesedaran dan ekonomi selama 8 bulan sebagaimana dalam jadual 1 di bawah.

| Program Pemulihan | Program Kesedaran | Program Ekonomi |
|--|--|---|
| <p>Aktiviti harian; Solat tahajud/taubat berjamaah, pengajian al-Quran, zikir al-mathurat, hafazan dan riadah.</p> <p>Aktiviti mingguan Sesi kaunseling/motivasi berkelompok dan perseorangan, kelas kemahiran.</p> <p>Aktiviti bulanan dan tahunan; Rehlah dan program-program lain sempena tarikh/peristiwa kebesaran Islam, ceramah –ceramah umum.</p> | <ol style="list-style-type: none"> 1. Program Bahagia Menjadi Gadis (BMG) 2. Program Aku Teruna Terhebat (ATT) 3. Liqa’ An Nur 4. Usrah Marhamah 5. Program bersama media, pameran dan penyelidikan universiti; isu gejala sosial, temuramah, kongsi pengalaman dll | <ol style="list-style-type: none"> 1. Membuat tasbih dan kraftangan lain menggunakan manik. 2. Kelas membuat coklat. 3. Kelas membuat kek/muffin. 4. Kelas jahitan pakaian dan beg daripada barangan terpakai. 5. Kelas gubahan bunga. |


Jadual 1: Program Pusat Jagaan Darul Wardah

Maqasid Syariah dan *Darūriah al-Khamsah*

Secara literal maqasid syariah merupakan gabungan dua perkataan iaitu maqasid dan syariah. Maqasid bermaksud objektif yang membawa erti berasaskan kenyataan atau fakta sebenar (Kamus Dewan,2000) manakala syariah pula apa yang disyariatkan (diperundangan) oleh Allah SWT kepada hambaNya (Munjid al-Tullab, 1956). Mohd Anuar Ramli memetik pandangan Sheikh Ibn ‘Asyur (1393 H) dalam mendefinisikan maqasid ‘ammah sebagai pengertian-pengertian dan hikmah-hikmah yang dititikberatkan dalam semua atau sebahagian besar perundangan Islam. Ia tidak hanya dikhususkan kepada hukum-hukum tertentu sahaja.

Secara ringkasnya, frasa maqasid syariah membawa maksud objektif atau tujuan syariat diturunkan oleh Allah SWT kepada manusia. Jasser (2008) menyatakan maqasid undang-undang Islam adalah objektif atau tujuan di sebalik hukum Islam.

Menurut al-Ayubi (2011), maqasid syariah dalam objektif memelihara kemaslahatan dari sudut kekuatannya terbahagi kepada tiga bahagian utama sebagaimana dalam rajah 1 di bawah.



Rajah 1: Pembahagian Maqasid Syariah dan Ruang lingkup Daruriyah al-Khamsah

Beliau menghuraikan setiap bahagian sebagai:

1. Al-Daruriyyah iaitu melibatkan perkara yang manusia tidak boleh hidup tanpanya. Ia adalah asas dalam kehidupan mereka dan asas kewujudan harta dan ruh mereka. Sekiranya ketiadaan perkara dharuriyah ini maka akan hilang dan rosaklah kebaikan dalam kehidupan manusia. Terangkum di dalamnya lima perkara iaitu menjaga agama, akal, nyawa, keturunan dan harta

Beberapa contoh dikemukakan bagi menjelaskan perkara al-Dharuriyyah seperti dalam memelihara agama disyariatkan jihad dan mengembangkan dakwah Islam, memelihara nyawa disyariatkan perkahwinan dan menggalakkan kelahiran serta mewajibkan qisas dan diyat, memelihara aqal dengan pengharaman arak, memelihara keturunan dengan pengharaman zina dan menjaga harta dengan mengharuskan muamalat dan mengharamkan riba, judi dan disyariatkan hudud bagi pencuri.

2. Al-Hajiyyah melibatkan perkara yang diperlukan oleh manusia untuk mewujudkan kemudahan dan menolak kesusahan dalam kehidupan. Bagaimanapun tanpanya tidak akan membawa kepada kecacatan dalam sistem kehidupan manusia sebagaimana keperluan terhadap al-Dharuriyyah.

Sebagaimana perkara hajiyyah dalam ibadah keharusan dan keringanan untuk berbuka puasa pada siang hari dalam bulan Ramadhan bagi orang yang bermusafir. Diharuskan dalam muamalat menjalankan perniagaan dan pinjaman berdasarkan kepada keperluan manusia.

3. Al-Tahsiniyyah merupakan perkara yang boleh ditinggalkan dan keperluan manusia terhadapnya tidak seperti keperluan terhadap lima perkara dharuriyyah tetapi diperlukan untuk menjaga kemuliaan akhlak dan adat yang baik serta kehormatan hidup.

Seperti disyaratkan menutup aurat dan bersuci tubuh badan, pakaian serta tempat ketika solat bagi menjaga agama.

Jika diteliti dari perbincangan Maqasid Syariah yang telah dijelaskan, ia lebih menjurus kepada ruang lingkup yang menghadkan kepada hukum-hakam dalam ilmu fiqh semata. Namun Siddiq Fadhil dalam mengupas pandangan Jaser Audah terhadap Maqasid Syariah menyatakan perbincangan mengenai Maqasid syariah telah menjadi satu tema penting dalam wacana pemikiran Islam kontemporari. Berbeza dengan kedudukan awal yang lebih dibincangkan sebagai sebahagian dalam ilmu usul fiqh. (Jaser: 2014) Di Malaysia, Maqasid Syariah turut mendapat tempat terpenting dalam perbincangan sehingga ianya dijadikan keutamaan dalam mengukur kesejahteraan umat Islam di dunia dan akhirat. Setiap pilihan dan tindakan dalam semua perkara dibuat menggunakan neraca maqasid syariah melalui pemilihan pemeliharaan dharuriah al-khamsah.

Oleh itu perbincangan pembinaan Pusat Jagaan DW berdasarkan Maqasid Syariah akan bertitik tolak dari pemikiran kontemporari yang lebih terbuka dan menjurus kepada kepentingan memelihara perkara Daruriyat yang lima (Darūriah al-Khamsah). Turut diberikan penekanan kedudukan Darūriah al-Khamsah berdasarkan pandangan ulama perundangan Islam yang menetapkan tertib dengan mengutamakan kepentingan penjagaan agama, seterusnya diikuti nyawa, akal, keturunan dan terakhir harta (Mohd. Anuar Ramli, 2017).

METOD KAJIAN

Kertas kerja ini bertujuan menjelaskan pembinaan Pusat Jagaan DW bersesuaian dengan kehendak maqasid syariah dalam Islam berdasarkan matlamat penubuhan dan aktiviti yang dijalankan. Metod kajian yang digunakan dalam penulisan ini adalah kajian kuantitatif dengan menggunakan metod pengumpulan data melalui analisis dokumen, temubual dan kajian lapangan. Kajian kualitatif merupakan proses pencarian maklumat kepada satu kefahaman dengan berlandaskan kaedah pengumpulan data yang lazim digunakan apabila meninjau sesuatu permasalahan sosial (Cresswell 2003). Lazimnya kajian menggunakan data dari jenis kualitatif adalah kajian yang melibatkan interaksi dengan manusia dengan memahami hubungan dan penglibatan manusia dalam sesuatu perkara yang dilakukan (Siti Uzairiah, 2017).

Kaedah analisis dokumen adalah cara menghurai secara objektif mesej komunikasi yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan dengan cara mendengar, memperoleh dan melihat kandungan teks sama ada pada perkataan, gambar, simbol, idea, tema dan sebarang mesej yang telah dikomunikasikan (Babbie 2010). Dalam kertas kerja ini, metod analisis kandungan yang dijalankan bagi mengumpul fakta-fakta berkaitan Pusat Jagaan DW yang memfokuskan kepada latarbelakang dan matlamat penubuhan serta aktiviti yang dijalankan. Disamping itu juga maklumat berkaitan Maqasid Syariah sama ada pandangan yang bersifat konvensional mahupun yang kontemporari turut dianalisa.


Temubual dijalankan secara tidak berstruktur, yang mana secara umumnya responden bebas untuk menyuarakan atau berbincang tentang suatu topik yang luas (Siti Uzairiah, 2017). Temubual telah dijalankan bersama Timbalan pengerusi Pusat Jagaan DW iaitu Puan Rashidah binti Adon, bagi mendapatkan perincian objektif dan perjalanan aktiviti DW.

Kajian lapangan merujuk kepada tempat peserta kajian menjalankan aktiviti harian ataupun tugas mereka untuk tujuan kajian tertentu. Tapak kajian membekalkan informasi data emik dan data yang dapat menginterpretasikan persepsi peserta tentang sesuatu fenomena (Creswell, 2003). Pemerhatian lapangan turut dilakukan di Pusat Jagaan DW bagi mendapatkan data berkaitan aktiviti dan proses pemulihan yang dijalankan.

ANALISIS DAPATAN

Melalui kajian yang dijalankan mendapati penubuhan Pusat Jagaan DW amat signifikan dalam era ledakan masalah sosial yang sedang melanda Malaysia hari ini. Menggunakan Maqasid Syariah sebagai neraca melalui instrumen dalam dharuriah al-khamsah, analisa difokuskan terhadap matlamat penubuhan, aktiviti dan proses yang dijalankan di DW mendapati pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta diberi perhatian. Bagaimanapun dalam kertas kerja ini hanya akan membincangkan tiga perkara dharuriah sahaja iaitu pemeliharaan agama, nyawa dan akal kerana ianya mempunyai hubungan yang amat rapat dengan matlamat penubuhan dan aktiviti Pusat Jagaan DW.

Perbincangan pengukuran Maqasid Syariah dalam matlamat, aktiviti dan proses di Pusat Jagaan DW diringkaskan dalam rajah 2 di bawah.



Rajah 2: Maqasid Syariah dalam Matlamat, Aktiviti dan Proses di Pusat Jagaan Darul Wardah

a. Pemeliharaan Agama

Penubuhan DW yang bermatlamat memberi perlindungan sementara, sokongan moral dan pemulihan dari segi akidah, emosi dan spiritual kepada kaum wanita Islam di seluruh Malaysia memberi penekanan terhadap pemeliharaan agama. Ini selaras dengan kemasukan penghuni ke pusat pemulihan wanita yang merupakan satu kaedah untuk membantu dengan syarat mempunyai mekanisme yang bersesuaian iaitu menekankan elemen agama (Arkib Utusan Malaysia, 2010). Ramai dalam kalangan generasi mudah yang tidak mengendahkan suruhan agama disebabkan oleh pengaruh hiburan dan lepas bebas yang telah melanda mereka (Mohd. Farid, 2014). Menyedari kebanyakan dari penghuni yang datang secara sukarela untuk mendapatkan perlindungan mempunyai latarbelakang amalan keagamaan yang agak longgar, maka aktiviti harian penghuni banyak diisi dengan kelas-kelas dan aktiviti yang melibatkan tiga asas agama Islam iaitu akidah, syariat dan akhlak.

Menurut Puan Rashidah Adon, aktiviti harian penghuni dimulakan dengan qiamulallil (solat tajud dan taubat) juga solat berjamaah diikuti dengan kelas-kelas pengajian agama termasuk kelas akidah, ibadah, al-Quran, bahasa Arab dan akhlak. Guru-guru terdiri dari pengurus DW sendiri, Ustaz dan ustazah dari Yayasan Pembangunan Keluarga dan juga dari kawasan sekitar. Amalan harian meliputi zikir al-mathurat, tazkirah, muhasabah diri, hafazan, usrah dan riadah turut membantu pemeliharaan agama dalam diri penghuni.

Disamping itu juga, Pusat Jagaan DW turut menjalankan Program Bahagia Menjadi Gadis (BMG) dan Program Aku Teruna Terhebat (ATT) bagi membantu memberi kesedaran kepada remaja di luar. Program ini dijalankan bersama Sekolah, Pejabat Agama dan Pusat Kesihatan. Para sukarelawan yang akan bertanggungjawab menjayakan program tersebut (Rashidah Adon).

b. Pemeliharaan Nyawa

Isu pembuangan bayi sering membelenggu masyarakat seolah-olah tiada jalan penyelesaian. Semuanya berpunca daripada hubungan lelaki dan perempuan bukan dalam ikatan perkahwinan yang sah (Utusan Online, 11 Januari 2017). Justeru DW bermatlamat memberikan perlindungan sementara kepada penghuni yang hamil di luar nikah, sekaligus memenuhi kepentingan memelihara nyawa terutamanya bayi yang bakal dilahirkan.

Penghuni akan disantuni sebagaimana keperluan seorang wanita biasa yang hamil. Semasa mengandung mereka akan didaftarkan di Pusat Kesihatan bagi menjalani pemeriksaan berkala mengikut jadual yang telah ditetapkan. Penghuni turut diajar kaedah penjagaan kesihatan diri dan kandungan, pemakanan sihat serta amalan-amalan keagamaan yang perlu dilakukan oleh ibu yang mengandung. Penjagaan dalam masa berpantang turut disusun agar penghuni dan bayi yang dilahirkan tidak mengalami masalah kesihatan. Secara umumnya penghuni akan diberikan kerehatan selama dua minggu daripada

sebarang aktiviti bagi memastikan penghuni pulih sepenuhnya. Tempoh masa ini bergantung kepada keadaan sebenar penghuni tersebut.

Seterusnya bagi mempasti kesihatan ibu dan anak sentiasa dijaga, penghuni dibenarkan untuk menjaga bayi masing-masing sepanjang berada di Pusat Jagaan DW.

c. Pemeliharaan Akal

Kesan negatif dari penggunaan gajet-gajet dalam kalangan remaja amat membimbangkan. Telefon bimbit yang dahulunya berfungsi sebagai alat perhubungan dan pegerat silaturrahim, kini telah menjadi fungsi yang merosakkan apabila digunakan dengan cara yang salah atau tidak terkawal. Begitu juga bentuk hiburan seperti nyanyian, konsert, filem, drama dan sebagainya boleh dinikmati melalui televisyen yang semakin berkembang isi kandungannya. Melalui komputer atau komputer riba pula, pelbagai jenis bentuk hiburan boleh di muat turun dan dinikmati tanpa mengira masa (Nurul Izzah, 2008).

Oleh itu di Pusat Jagaan DW, membawa, memiliki dan menggunakan gajet adalah dilarang. Pengawalan ini dapat menjamin pemeliharaan akal penghuni yang dapat membantu pencapaian pemulihan yang optimum dan pantas. Penghuni akan didedahkan dengan isu atau peristiwa semasa melalui perkongsian maklumat dengan guru-guru dalam kelas-kelas pengajian (Rashidah Adon).

RUMUSAN

Kesimpulannya, pembinaan Pusat Jagaan Darul Wardah merupakan salah satu dari alternatif dalam membantu menangani masalah sosial yang sedang membelenggu masyarakat. Walaupun kemampuan menampung wanita yang memerlukan perlindungan dan pemulihan amat kecil, namun usaha seumpama ini perlu diberi ruang dalam masyarakat kerana ia memenuhi kehendak maqasid syariah yang menyumbang kepada pemeliharaan dharuriyah al-khamsah. Sekiranya usaha yang kecil ini digembeling bersama dalam skala yang besar, ia akan dapat membantu memulihkan warga masyarakat yang tersasar. Diharapkan penulisan ini dapat mengubah stigma masyarakat terhadap kewujudan pusat-pusat perlindungan dan pemulihan wanita sekaligus menyuntik rasa endah masyarakat untuk sama-sama mengembeling tenaga dalam kerja-kerja kesukarelawanan khususnya menyokong rumah perlindungan dan pemulihan wanita sebagai satu usaha bagi mencapai kelestarian insan.

RUJUKAN

- Aedi Asri, (2016), *Perlindungan, ketenangan buat wanita hamil tanpa nikah di Rumah Kita*, Disember 20, 2016, dicapai pada 18 Julai 2017 dari <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/12/20/rumah-kita-tawar-perlindungan-ketenangan-buat-wanita-hamil-tanpa-suami/>
- Al-Ayyubi, Ayman Jibril Juels, (2011), *Maqasid al-shariah : Fi Takhsis al-Nas Bil-Maslahat Wa-Tathbiqatiha Fi al-Fiqh al-Islami*, Jordan : Dar al-Nafaes, hlm. 50-51

- Arkib Utusan Melayu, Kolum Bicara Agama, *Perkasakan rumah perlindungan wanita*, dicapai pada 15 April 2016 dari
http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0330&sec=Bicara_Agama&pg=ba_04.htm ARKIB : 30/03/2010
- Babbie E. 2010. *The Practice of Social Research*. USA: Wadsworth Cengage Learning.
- Creswell, J.W. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. California: Sage Publications, Inc
- Fuad Ifram al-Bustani (1956), *Munjid al-Tullab*, Beirut: Dar El-Machreq Sarl, cet. 3, hlm. 365
<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/3-980-remaja-hamil-anak-luar-nikah-1.380841>
- Jasser, Auda, (2008), *al-Maqasid al Shari'ah as Philosophy of Islamic Law: A System Approach*, The International Institute of Islamic Thought, London, Washington, hlm.2
- Jasser, Auda, (2014), (terj.) Marwan Bukhari bin A.Hamid, *Memahami Maqasid Syariah; Peranan Maqasid Dalam Pembaharuan Islam Kontemporari*, PTS Islamika Sdn. Bhd, Selangor, hlm 50-52
- Kosmo, 18 Julai 2017, *257,411 bayi luar nikah*.
- Mohd Anuar Ramli, *Objektif Syariah (Maqasid al-Syariah): Konsep Dan Kedudukannya Sebagai Teori Seismograf Hukum Islam*, dicapai pada 23 Julai 2017 dari
https://www.academia.edu/4354113/Objektif_Syariah_Maqasid_al-Syariah_Konsep_Dan_Kedudukannya_Sebagai_Teori_Seismograf_Hukum_Islam?auto=download
- Mohd. Farid Mohd. Shahrn.(Dr.), Utusan Online, 08/10/2014, *Antara syariah dan prinsip akal*, dicapai pada 6 Oktober 2017 dari
http://ww1.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20141008/ba_03/Antara-syariah-dan-prinsip-akal
- Nurul Izzah Sidek, Utusan Online, 6 November 2008, *Media dan remaja*, dicapai pada 6 Oktober 2017 dari
http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=1106&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm#ixzz4uiQ22Ggq
- Profil Koprat Terkini Darul Wardah Johor, 2017.
- Rashidah Adon, (18 Februari 2017 & 12 Oktober 2017), Temubual Personal Siti Uzairiah Mohd Tobi (Dr.), (2017), *Kajian Kualitatif dan Analisis Temubual*, Kuala Lumpur: Aras Pulisher, cet 1, hlm. 37, 49-50.
- Teuku Iskandar et al., (2000), *Kamus Dewan*, (edisi ketiga), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, cet. 5, hlm. 939.
- Utusan Online, 11 Januari 2017, *Kaedah selesaikan isu pembuangan bayi*, dicapai pada 6 oktober 2017 dari
<http://www.utusan.com.my/rencana/forum/kaedah-selesaikan-8232-isu-pembuangan-bayi-1.430352>
- Utusan Online, 10 September 2016, *3,980 remaja hamil anak luar nikah*, di capai pada 5 Julai 2017 dari
<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/3-980-remaja-hamil-anak-luar-nikah-1.380841>